

SOALAN NO: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH

TARIKH: 18 OKTOBER 2016

SOALAN:

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengelak berlakunya tragedi yang menimpa Chin Khoon Sing baru-baru ini yang mana satu "*crane hook*" telah terjatuh dari tapak pembinaan sebuah hotel di Jalan Raja Chulan yang telah mengakibatkan kematian beliau.

PR-1343-L77384

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

**LANGKAH-LANGKAH PENAMBAHBAIKAN**

1. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) untuk

mengelak berlakunya tragedi 'crane hook' yang jatuh berulang lagi adalah seperti berikut:

- Memastikan setiap "firma yang kompeten" mempunyai jumlah "orang yang bertanggungjawab" yang mencukupi bagi menyelia kerja-kerja penyenggaraan kren menara bagi memastikan ianya beroperasi dengan baik;
- Menaiktaraf sijil kompetensi operator kren dalam bentuk digital yang boleh diakses melalui peranti telefon pintar atau sebagainya dengan melupuskan sijil kompetensi sedia ada dalam bentuk fizikal bagi megelakan pemalsuan sijil kompetensi.
- Mewujudkan Garis Panduan Penggunaan Kren Menara. Garis Panduan ini telah dibangunkan bermula pada tahun 2015.

2. Di samping itu, Kementerian ini melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengadakan operasi Kren Menara bermula dari 9 September 2016 dan masih diteruskan sehingga kini. Fokus operasi adalah seperti berikut:-

- a) Memastikan kren menara dikendalikan oleh operator yang berdaftar dengan JKKP.
- b) Memastikan tali dawai (*hoisting/luffing*) yang digunakan berada di dalam keadaan baik dan mengikut spesifikasi pembuat.

- c) Memastikan semua *limit switches* termasuk *system zoning device* berfungsi iaitu bum kren tidak dibenarkan keluar daripada sempadan pembinaan.
- d) Menyemak kontrak perlantikan firma yang menyenggara dan rekod penyenggaraan

Tuan Yang Di Pertua,

3. JKKP juga mengeluarkan Arahan Khas Ketua Pengarah JKKP Malaysia dengan mewajibkan perlantikan penyelia kerja-kerja mengangkat (*lifting supervisor*), pemberi arah (*signalman*) dan pengikat (*rigger*) yang kompeten dan mencukupi.

4. Kementerian ini turut menjalankan Kajian Pengurusan Keselamatan Kren Menara di Industri Pembinaan. Kajian ini sedang dibuat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan kemalangan dan kaedah penyelesaiannya. Kajian ini bermula pada April 2016 dan dijangka siap pada Oktober tahun 2017.

Tuan Yang Di Pertua,

#### **TINDAKAN UNDANG-UNDANG (KES 'CRANE HOOK')**

5. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, siasatan kemalangan berkaitan '*crane hook*' yang jatuh telah dilakukan oleh pegawai JKKP selepas mendapat laporan daripada pihak majikan. Hasil siasatan, pihak Jabatan bercadang mengambil tindakan terhadap syarikat

terbabit dan kertas siasatan kemalangan tragedi '*crane hook*' yang terjatuh ke atas kereta Chin Khoon Sing di Jalan Raja Chulan telah lengkap. Tindakan undang-undang yang dicadang diambil adalah di bawah seksyen 17(1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, iaitu tanggungjawab majikan kepada bukan pekerja. Jika didapati bersalah, boleh didenda tidak melebihi RM 50,000.00 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya. Kertas siasatan akan dikemukakan ke Peguam Negara untuk mendapat pandangan dan keizinan dengan kadar segera.